

KAJIAN MENGENAI SEJAUH MANA PENERIMAAN
MASYARAKAT SEKITAR KUALA LUMPUR DAN
KELANG TERHADAP UBAT-UBAT TRADISIONAL
YANG DIJUAL DI KAKI-KAKILIMA.

Disediakan oleh:

Yahaya Abd.Rahman

Abd.Rahman Fahrulrazi

Masri Hassan

Rouman Yusuf

Abd.Jalil Tahir

Kajian ini adalah sebahagian dari keperluan untuk
memperlengkapkan kursus Diploma In Business Studies,
Institut Teknologi MARA.

18 hb.Oktober 1987, ITM, Shah Alam.

PENGHARGAAN:

Sejak dari mula lagi penyelidikan ini dijalankan, kami telah mendapat bimbingan dan tunjukajar dari banyak orang baik yang membantu secara langsung ataupun tidak.

Di sini kami ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Hamidah Mohammad yang telah sudi untuk menjadi penasihat kepada kumpulan kami selama penyelidikan ini dijalankan. Kami amat-amat menghargai ketekunan, kesabaran dan masa yang banyak yang telah diberikan oleh Puan Hamidah dalam membantu kami di sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Di sini juga kami ingin mengucapkan rasa terima kasih kepada:

- a. Penjual-penjual ubat tradisional di Kuala Lumpur dan Kelang kerana kesudian mereka memberikan kerjasama semasa penyelidikan ini dijalankan.
- b. Pekedai-pekedai ubat/farmasi.
- c. Responden-responden

Tidak ketinggalan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama bekerja keras untuk menjayakan penyelidikan ini.

KANDUNGAN

MUKASURAT

Penghargaan	1
Kandungan	ii
Senarai Jadual	v
Senarai Appendiks	vii
Ringkasan	viii

BAB 1

Pengenalan

1.1 Latarbelakang	1
1.2 Objektif Kajian	3
1.3 Hipotesis	4
1.4 Batasan Kajian	
1.4.1 Kawasan penjualan ubat	5
1.4.2 Ketepatan dan Kejituan maklumat	6
1.4.3 Kerjasama dari responden	6
1.4.4 Masa yang tidak bertepatan	7
1.4.5 Ketepatan maklumat dari responden	8
1.4.6 Kewangan	8
1.5 Penyata Masalah	9

BAB 2

<u>REVIEW OF RELATED LITERATURE</u>	10
-------------------------------------	----

RINGKASAN:

Sejarah perubatan Melayu bermula sejak awal abad ke 14 lagi. Di waktu itu pedagang-pedagang dari Arab, India, Jawa dan Sumatra telah membawa sekali pengetahuan mereka di bidang perubatan tradisional hinggalah kepada kewujudan perubatan tradisional Melayu.

Oleh itu boleh dikatakan perubatan tradisional ini merupakan campuran pengetahuan dari pelbagai bangsa dan dari rantau yang berlainan disamping pengetahuan perubatan yang sedia ada di kalangan masyarakat tempatan.

Pengetahuan ini telah diturunkan dari satu jenerasi ke jenerasi yang lain dan ianya masih diamalkan di kalangan masyarakat Melayu amnya khususnya di kampung-kampung.

Dari sebab-sebab di ataslah maka kami telah menjalankan penyelidikan tentang amalan perubatan tradisional ini dan sejauh manakah penerimaan masyarakat sekarang terutamanya orang Melayu terhadap ubat-ubat tradisional ini.

Dalam kajian ini, kami telah menggunakan analisa chi-square untuk menguji samada ubat-ubat tradisional ini masih lagi diamalkan oleh masyarakat Melayu.

Kami telah memilih penjual-penjual ubat tradisional di kaki-kakilima sekitar Kuala Lumpur dan Kelang untuk dijadikan

sumber utama untuk mendapatkan data untuk kajian ini.

Hasil dari kajian ini kami mendapati perubatan tradisional ini bukan sahaja diamalkan oleh orang-orang Melayu, malah ianya turut diamalkan oleh lain-lain bangsa seperti orang-orang Cina dan India.

Hasil dari kajian ini juga kami dapat mengetahui beberapa faktor yang menyebabkan mengapa masyarakat sekarang menerima dan tidak menerima ubat-ubat tradisional yang banyak dijual di kaki-kakilima sekitar Kuala Lumpur dan Kelang.

Kajian ini juga telah memberikan beberapa cadangan dan buah fikiran yang difikirkan mungkin dapat mempertingkatkan lagi mutu ubat-ubat tradisional samada dari segi pasaran mahupun perkhidmatannya.

Akhir sekali kami berharap kajian ini dapat memberikan sedikit sebanyak gambaran sebenar mengenai aktiviti penjualan ubat-ubat tradisional di kaki-kakilima ini.